

**Rancangan Pemasaran Kopi**  
[diwarta pada 30 Disember, 1971]

- (i) Pemberitahuan dalam Warta mengikut perenggan 1(2) dan 1(3).
- (ii) Senarai Kesalahan dan penalti

P.U.(B) 446 bertarikh 30hb. Disember, 1971.

## AKTA LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN, 1965

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang di beri oleh seksyen 5 Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, 1965, Menteri, atas syor Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, dengan ini menetapkan rancangan pemasaran yang berikut: 49/65.

1. (1) Rancangan ini bolehlah dinamakan **Rancangan Pemasaran Kopi** dan, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan kecil (2), hendaklah dipakai di seluruh Malaysia.

*Nama,  
pemakaian dan  
mula  
berkuatkuasa.*

(2) Menteri boleh, melalui pemberitahu dalam *Warta*, mengecualikan sesuatu Negeri atau sebahagian daripada suatu Negeri dari peruntukan Rancangan ini atau sebahagian daripadanya sebagaimana yang dinyatakan di dalam pemberitahu itu.

(3) Rancangan ini hendaklah mula berkuatkuasa pada satu tarikh sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahu dalam *Warta*.

2. Rancangan ini hendaklah dikawal dan diuruskan oleh Jemaah Pemasaran Hasil Pertanian (kemudian daripada ini disebut "Jemaah") yang ditubuhkan di bawah seksyen 6 Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, 1965.

*Kawalan dan  
pengurusan  
Rancangan.*

3. Dalam Rancangan ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain —

*Tafsiran.*

"buah-buah kopi" ertinya buah-buah pokok kopi;

"biji-biji kopi" ertinya biji-biji yang terkandung dalam buah-buah kopi, selepas biji-biji itu diasingkan daripada buah-buah kopi;

"kopi" ertinya buah-buah kopi atau biji-biji kopi atau bahagian-bahagian daripadanya dari semua jenis kopi janas termasuk Kopi Arabica (atau Arabian), Kopi Robusta (atau Robusta) dan Kopi Liberica (atau Liberica);

"memproses", berhubung dengan kopi, ertinya melakukan mana-mana satu atau lebih kerja-kerja yang berkaitan dengan mengasingkan dan mengupas kulit daripada buah-buah kopi (termasuk, walau bagaimana pun, membasuh, memecah kulit, memeram, mengering, mencerai kulit, mengasing kulit, menampi dan mengayak) dan penyediaan untuk penjualan

biji-biji kopi yang dihasilkan dalam bentuk yang belum digoreng, dan tidak, walau bagaimana pun, termasuk penggorengan biji-biji kopi;

“mengilang”, berhubung dengan kopi ertinya menggoreng dan mengisar biji-biji kopi menjadikan serbuk kopi;

“peladang kopi” ertinya seseorang yang menanam kopi atas tanah yang dipunyai olehnya atau yang ia ada mempunyai kepentingan sebagai pemegang pajak, penyewa, penduduk, pemegang lesen, penerima serahak, pemegang gadaian, pengganti hakmilik, ejen atau dengan apa-apa cara atau atas apa-apa sifat juga pun; bagi maksud takrif ini seseorang hendaklah disifatkan sebagai bercucuk tanam di atas tanah itu walau pun ianya mengusahakannya melalui orang-orang yang diambil kerja atau diambil bertugas olehnya bagi maksud itu dan walau pun ianya tidak tinggal di atas tanah itu atau tidak hadir sendiri tatkala penanaman dijalankan;

“pengilang kopi” ertinya seseorang yang menjalankan urusan mengilang kopi.

#### 4. (1) Tiada sesiapa boleh—

*Pelesehan.*

- (a) membeli buah-buah kopi atau biji kopi yang belum digoreng dari mana-mana peladang kopi; atau
- (b) membeli bagi maksud penjualan atau pengeksportan (tidak kira penjualan atau pengeksportan itu sesudah diproses) buah-buah kopi atau biji-biji kopi yang belum digoreng;

melainkan jika ianya di beri lesen oleh Jemaah untuk membeli buah-buah kopi dan biji-biji kopi yang belum digoreng.

(2) Seseorang hendaklah disifatkan sebagai mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan yang dinyatakan dalam perenggan kecil (1), melainkan jika ia membuktikan sebaliknya, jika ia —

- (a) sebagai bukan seorang peladang kopi dan juga bukan seorang pengilang kopi, didapati memiliki buah-buah kopi lebih daripada lima puluh pikul atau biji-biji kopi lebih daripada lima pikul; atau
- (b) sebagai bukan seorang peladang kopi dan juga bukan seorang pengilang kopi, membuat perkiraan untuk mengangkut atau mendapatkan supaya diangkut pada bila-bila satu masa, lain daripada sebagai seorang pembawa, buah-buah kopi lebih daripada lima puluh pikul atau biji-biji kopi lebih daripada lima pikul.

(3) Jemaah boleh menghadkan mana-mana lesen yang dikeluarkan di bawah perenggan kecil (1) kepada mana-mana satu atau lebih kegiatan-kegiatan atau perkara-perkara yang dinyatakan dalam perenggan kecil yang tersebut itu.

(4) Sesiapa jua, sebelum sahaja Rancangan ini mula berkuatkuasa, telah menjalankan perniagaan kopi dengan sah mengikut apa-apa cara yang berkenaan lesen adalah dikehendaki di bawah perenggan kecil (1) adalah berhak, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Rancangan ini, dikeluarkan satu lesen kepadanya.

5. (1) Permohonan untuk sesuatu lesen yang tersebut dalam perenggan 4 Rancangan ini atau untuk membaharui lesen itu hendaklah dibuat dalam suatu borang yang ditetapkan oleh Jemaah dari semasa ke semasa.

*Permohonan  
lesen dan  
syarat-syarat  
lesen.*

(2) Sesuatu lesen yang dikeluarkan atau dibaharui berkenaan dengan mana-mana permohonan yang dibuat di bawah perenggan kecil (1) boleh tertakluk kepada syarat-syarat yang dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa dikenakan oleh Jemaah.

(3) Dengan tidak menyentuh peruntukan perenggan kecil (2), peruntukan-peruntukan berikut hendaklah dipakai berhubung dengan tiap-tiap lesen yang dikeluarkan atau dibaharui seperti tersebut di atas:

- (a) tiap-tiap satu lesen hendaklah tamat pada 31hb Disember dalam tahun lesen itu dikeluarkan atau dibaharui;
- (b) maka hendaklah dijelaskan kepada Jemaah suatu bayaran berkenaan dengan lesen itu mengikut sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri dari semasa ke semasa;
- (c) pemegang lesen hendaklah menyimpan di premis yang dinyatakan dalam lesen itu suatu daftar dalam bentuk yang diluluskan oleh Jemaah dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris;
- (d) pemegang lesen hendaklah menunjukkan di suatu tempat yang mudah dilihat —
  - (i) di premis atau tempat perniagaan yang disebutkan di dalam lesen, satu papan menunjukkan harga buah-buah kopi atau biji-biji kopi belum bergoreng yang didapati setiap hari dan potongan-potongan daripada harga atau beratnya yang boleh dibenarkan di bawah syarat-syarat lesen yang dikeluarkan kepadanya;

- (ii) di atas pintu premis atau tempat perniagaan yang dinyatakan dalam lesen, dan dengan cara yang mudah dibaca oleh orang ramai, nama penuh, sebagaimana yang terdapat dalam lesen, dalam huruf Rumi dan perkataan-perkataan

“PERAEH BUAH KOPI BERLESEN atau  
(LICENSED COFFEE BERRY DEALER)”

“PERAEH BIJI KOPI BERLESEN atau  
(LICENSED COFFEE BEAN DEALER)”

“PERAEH BUAH KOPI/BIJI KOPI BERLESEN atau  
(LICENSED COFFEE BERRY/BEAN DEALER)”

mengikut mana yang berkenaan;

(e) pemegang lesen hendaklah —

- (i) memberi kepada Jemaah apa-apa maklumat atau penyata sebagaimana yang dikehendaki oleh Jemaah;
- (ii) menunjukkan apa-apa maklumat mengikut apa-apa cara sebagaimana yang dikehendaki oleh Jemaah;
- (f) pemegang lesen hendaklah, apabila diminta oleh seseorang pegawai berkuasa Jemaah, membenarkan pegawai itu memasuki premis itu dan hendaklah, jika dikehendaki, mengemukakan lesenya dan daftar tersebut di atas untuk diperiksa oleh pegawai itu.

(4) Dengan tidak menyentuh peruntukan-peruntukan perenggan kecil (2), seseorang yang di beri lesen di bawah perenggan kecil (1) perenggan 4 hendaklah, berhubung dengan daftar yang dikehendaki disimpan olehnya di bawah perenggan kecil (3) (c), membuat dalam tempoh tujuh puluh dua jam selepas tiap-tiap pembelian, penerimaan, penjualan atau pengeksportan kopi, catitan-catitan yang sepatutnya mengenai butir-butir berhubung dengan nama dan alamat penjual, pembekal, pembeli atau orang kepada siapa kopi itu dieksport, mengikut mana yang berkenaan, kuantiti yang sedemikian dibeli, diterima, dijual atau dieksport, jumlah yang tinggal tersimpan dalam premis berikutan dengan pembelian, penerimaan, penjualan, atau pengeksportan itu dan apa-apa butir lain yang ditetapkan oleh Jemaah dari semasa ke semasa.

6. Jemaah boleh, berkenaan dengan sesuatu lesen yang dikeluarkan atau yang akan dikeluarlan di bawah perenggan 4, mengenakan sesuatu syarat menghendaki supaya orang yang di beri lesen atau yang akan di beri lesen itu, mengikut mana yang berkenaan, dilantik sebagai seorang ejen Jemaah bagi maksud lesen itu telah atau akan dikeluarkan:

*Perlantikan  
pemegang lesen  
sebagai ejen  
Jemaah.*

Dengan syarat bahawa peruntukan-peruntukan perenggan ini tidak dipakai bagi pengeluaran suatu lesen kepada sesiapa yang sebelum sahaja Rancangan ini mula berkuatkuasa telah menjalankan perniagaan kopi dengan sah mengikut apa-apa cara yang berkenaan dengannya suatu lesen adalah dikehendaki di bawah perenggan kecil (1) perenggan 4:

Dan lagi dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua boleh dilakukan di bawah perenggan ini hingga melanggar peruntukan-peruntukan syarat kepada seksyen kecil (1) seksyen 6 dalam Akta.

49/65.

7. (1) Jika didapati oleh Jemaah bahawa seorang yang di beri lesen dengan sepatutnya di bawah peruntukan-peruntukan Rancangan ini telah melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Rancangan ini atau mana-mana daripada syarat sesuatu lesen yang dikeluarkan kepadanya di bawahnya, Jemaah boleh menghendaki orang itu menunjukkan sebab-sebab mengapa sesuatu lesen atau lesen-lesen yang dipegang olehnya tidak patut dibatalkan.

*Pembatalan lesen.*

(2) Seseorang yang dikehendaki menunjukkan sebab-sebab di bawah peruntukan-peruntukan perenggan kecil (1) —

- (a) hendaklah di beri oleh Jemaah butir-butir, dengan bertulis, mengenai pelanggaran atau perkara-perkara tidak mematuhi yang berkenaan itu; dan
- (b) boleh, jika ia berkehendak, hadir sendiri atau diwakili oleh seseorang yang diberikuasa olehnya dengan bertulis, dalam suatu perbicaraan di hadapan Jemaah.

(3) Jika selepas perbicaraan itu Jemaah berpendapat bahawa orang yang dikehendaki menunjukkan sebab-sebab itu telah melanggar atau tidak mematuhi mana-mana daripada peruntukan Rancangan ini atau mana-mana syarat sesuatu lesen yang dikeluarkan kepadanya di bawahnya, Jemaah boleh membatalkan sesuatu lesen atau lesen-lesen yang dipegang olehnya di bawah Rancangan ini.

(4) Jika Jemaah menghendaki seseorang di bawah perenggan kecil (1) menunjukkan sebab-sebab mengapa sesuatu lesen atau lesen-lesen yang dipegang olehnya tidak patut dibatalkan, Jemaah boleh, menurut budibicara mutlaknya, pada masa menghendakinya menunjukkan sebab-sebab seperti tersebut di atas itu juga atau pada bila-bila masa selepasnya, semasa menanti keputusan tindakan-tindakan di bawah perenggan-perenggan kecil perenggan yang lalu di atas, menggantung lesen itu atau mana-mana daripada lesen itu sehingga tindakan-tindakan itu diputuskan:

Dengan syarat bahawa Jemaah boleh, menurut budibicara mutlaknya pada bila-bila masa menarikbalik penggantungan mana-mana lesen di bawah perenggan kecil ini.

8. Jemaah, dengan kelulusan Menteri, boleh dengan sendirinya atau bersama dengan mana-mana kumpulan orang (sama ada diperbadankan atau tidak) mengadakan kemudahan-kemudahan untuk menyimpan, memproses dan memperingkat; dan penggunaan kemudahan-kemudahan itu oleh seseorang hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditentukan oleh Jemaah.

*Jemaah boleh mengadakan kemudahan-kemudahan.*

9. (1) Walau apa pun peruntukan yang tersebut di atas, Jemaah boleh, dengan sendirinya atau bersama dengan mana-mana kumpulan orang (sama ada diperbadankan atau tidak) menjalankan atau mengadakan perkiraan-perkiraan berkenaan —

*Jemaah boleh mengambil bahagian dalam membeli, memproses, mengilang dan melepaskan kopi*

- (a) membeli kopi; atau
- (b) menerima atau bersetuju menerima kopi untuk maksud jualan atau eksport olehnya sendiri atau oleh mana-mana orang lain; atau
- (c) menghantar kopi bagi maksud jualan atau eksport olehnya sendiri atau oleh mana-mana orang lain; atau
- (d) mengumpul kopi; atau
- (e) mengangkut atau membawa kopi; atau
- (f) menyimpan kopi; atau
- (g) memproses kopi; atau
- (h) mengilang kopi; atau
- (i) melepaskan kopi melalui penjualan, pengeksportan atau lain-lain.

(2) Dalam perenggan ini, perkataan “kopi”, selain daripada mempunyai erti yang di beri kepadanya dalam perenggan 3, termasuklah serbuk kopi.

10. (1) Jemaah boleh melantik ejen-ejennya sendiri (sama ada didalam atau diluar Malaysia) bagi —

*Jemaah boleh melantik ejennya sendiri.*

- (a) membeli kopi; atau
- (b) menerima atau bersetuju menerima kopi bagi maksud jualan atau eksport sama ada olehnya sendiri atau oleh mana-mana orang lain; atau
- (c) menghantar kopi bagi maksud jualan atau eksport sama ada olehnya sendiri atau oleh mana-mana orang lain; atau
- (d) mengumpul kopi; atau
- (e) mengangkut atau membawa kopi; atau
- (f) menyimpan kopi; atau

- (g) memproses kopi; atau
- (h) mengilang kopi; atau
- (i) menjual, mengeksport atau melepaskan kopi.

(2) Mana-mana ejen yang dilantik oleh Jemaah di bawah perenggan kecil (1) atau yang dilantik menurut perenggan 6 —

- (a) boleh dibayar apa-apa bayaran atau komisen sebagaimana yang difikirkan patut oleh Jemaah; dan
- (b) tidak boleh melepaskan mana-mana kopi atau biji kopi belum bergoreng yang dibeli atau diperolehi olehnya kecuali kepada Jemaah atau melainkan dengan mengikut arahan dan perintah yang di beri oleh atau bagi pihak Jemaah.

(3) Dalam perenggan ini, perkataan “kopi”, selain daripada mempunyai erti yang di berikan kepadanya dalam perenggan 3, termasuklah serbuk kopi.

**11.** Jemaah hendaklah berusaha menggalakkan, memperluas dan memperbaiki pasaran kopi; dan Jemaah boleh melakukan segala perkara yang perlu dan yang bersampingan dengannya

*Jemaah  
hendaklah  
menggalakkan  
pasaran kopi.*

**12.** Jemaah boleh —

*Jemaah boleh  
mengadakan  
bantuan.*

- (a) dengan kelulusan Menteri, mengadakan bantuan kewangan; atau
- (b) menurut budibicaranya, mengadakan bantuan lain daripada bantuan kewangan;

kepada sesiapa yang di beri lesen di bawah perenggan 4 atau kepada peladang-peladang kopi atau mana-mana bahagian lain dari perusahaan kopi.

**13.** (1) Jemaah boleh menghendaki orang-orang yang membeli kopi untuk maksud dikilang supaya mendaftar kepada Jemaah mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh Jemaah.

*Pendaftaran  
orang-orang yang  
membeli kopi  
untuk dikilang.*

(2) Orang-orang yang didaftarkan di bawah perenggan kecil (1) hendaklah memberi kepada Jemaah apa-apa maklumat dan penyata sebagaimana yang dikehendaki oleh Jemaah.

**14.** Jemaah boleh —

*Kuasa-kuasa  
Jemaah.*

- (a) menentukan perkhidmatan yang boleh di beri oleh Jemaah dan, dengan kelulusan Menteri, bayaran yang akan dikenakan baginya;

- (b) tertakluk kepada peruntukan undang-undang bertulis yang pada masa itu berhubung dengan timbang dan sukat, menetapkan cara penimbangan dan jenis-jenis alat timbangan yang akan digunakan bagi menimbang kopi yang ditawarkan untuk jualan;
- (c) menetapkan peringkat-peringkat bagi buah-buah kopi dan biji-biji kopi yang belum digoreng;
- (d) menetapkan bentuk-bentuk lesen, perakuan dan lain-lain suratan yang dikehendaki ditetapkan di bawah Rancangan ini;
- (e) menetapkan penyata-penyata yang akan dikemukakan oleh orang-orang yang di beri lesen di bawah perenggan 4 atau yang didaftar di bawah perenggan 13.

**15.** (1) Mana-mana kopi yang berkenaan dengannya suatu kesalahan telah dilakukan terhadap Rancangan ini hendaklah dirampas menjadi hak milik Jemaah.

*Perampasan.*

(2) Mana-mana kopi yang berkenaan dengannya suatu kesalahan terhadap Rancangan ini disyaki telah dilakukan dan yang telah diambil dengan sahnya boleh dijual oleh Jemaah dengan segera dan hasil penjualannya hendaklah disimpan oleh Jemaah untuk mematuhi keputusan apa-apa pendakwaan berkenaan dengan kesalahan itu.

(3) Mana-mana kopi yang diambil oleh Jemaah boleh diproses mengikut apa-apa cara dan setakat mana yang difikirkan perlu oleh Jemaah tidak mengira sama ada ianya adalah kopi yang disimpan oleh Jemaah sementara menanti keputusan apa-apa pendakwaan berkenaan dengannya atau akan dijual oleh Jemaah di bawah peruntukan-peruntukan perenggan kecil (2).

Bertarikh pada 27 haribulan Disember, 1971.  
 [FAMA S. 3023/G Vol. III; P.N. 4074/2 Pt. III.]

*TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI,  
 Menteri Partianian dan Tanah*

**AKTA LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN  
PERSEKUTUAN, 1965**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang di beri di bawah perenggan kecil (2) perenggan 1 Rancangan Pemasaran Kopi, Menteri Pertanian dan Tanah dengan ini mengecualikan Negeri-negeri Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Sabah, Sarawak dan Terengganu daripada peruntukan-peruntukan Rancangan Pemasaran Kopi tersebut.

*P.U.(B) 446/71*

Bertarikh pada 27hb Disember, 1971.  
 [FAMA S. 3023/G. Vol. III; PN. 4074/2 Pt. III.]

*TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI,  
Menteri Pertanian dan Tanah*

**AKTA LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN  
PERSEKUTUAN, 1965**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang di beri di bawah perenggan kecil (3) perenggan 1 Rancangan Pemasaran Kopi, Menteri Pertanian dan Tanah dengan ini menetapkan 1hb Mac, 1972, sebagai tarikh Rancangan Pemasaran Kopi, akan mula berkuatkuasa.

*P.U.(B) 446/71*

Bertarikh pada 27hb Disember, 1971.  
 [FAMA S. 3023/G. Vol. III; PN. 4074/2 Pt. III]

*TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI  
Menteri Pertanian dan Tanah*

## RANCANGAN PEMASARAN KOPI, 1971

<b>Peraturan</b>	<b>Kesalahan</b>	<b>Penalti/Hukuman</b>
<b>4 (1) (a)</b>	Membeli buah kopi atau biji kopi yang belum digoreng dari mana-mana peladang kopi tanpa lesen sah dari Jemaah.	<b>Nota</b> Bagi kesalahan di bawah 4(1)(a) dan 4(1)(b) hukuman/penalti hendaklah dirujuk Akta FAMA 141 seksyen 25(1), 27(a)(b) dan 21A kerana tiada peruntukan khusus mengenai hukuman di bawah Peraturan ini.
<b>4 (1) (b)</b>	Membeli buah kopi atau biji kopi yang belum digoreng bagi maksud menjualnya atau mengeksport (tidak kira walaupun sudah diproses) tanpa lesen yang sah dari Jemaah.	Hukumannya jika disabitkan :
<b>Hendaklah dibaca bersama dengan peraturan : 4 (2) (a) atau (b)</b>	Seseorang disifatkan sebagai melibatkan diri dalam mana-mana kegiatan di atas kalau ia didapati memiliki buah kopi melebihi 50 pikul atau biji kopi melebihi 5 pikul sedangkan ia bukannya seorang peladang kopi atau bukan seorang pengilang kopi, melainkan ia dapat buktikan sebaliknya.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Denda tidak melebihi RM 15,000/- atau 2 tahun penjara atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan kali pertama.</li> <li>ii) Dengan kebenaran Mahkamah boleh juga dirampas semua atau sebahagian hasil jualan barang yang terbabit jika dijual/lelong.</li> <li>iii) Dengan kebenaran Mahkamah boleh juga dirampas kenderaan atau artikel lain yang berkaitan dengan kesalahan dilakukan.</li> </ul> <p>*Sebelum prosiding pendakwaan di Mahkamah dibuat kopi boleh dirampas menjadi hak milik Jemaah dan boleh dijual dan hasilnya disimpan sementara menunggu keputusan pendakwaan (peraturan 15).</p>
<b>5 (2)</b>	Kegagalan pemegang lesen mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan ke atas pemegang lesen pada bila-bila masa dan dari masa ke semasa.	<b>Nota</b> Bagi kesalahan-kesalahan di bawah peraturan No. 5(2) dan 5(3)(a) hingga (f) dan 5 (4) ia dikendalikan oleh Jemaah semata-mata tanpa memerlukan prosiding pendakwaan di Mahkamah dimana boleh diputuskan mengikut Peraturan No. 7 perenggan (1) hingga (4) iaitu :-
<b>5 (3) (a) hingga (f)</b>	Kegagalan pemegang lesen mematuhi apa-apa syarat lesen yang dikeluarkan seperti diperuntukan secara khusus dalam peraturan ini.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Memberikan notis tunjuk sebab mengapa lesennya tidak patut dibatalkan dan setelah itu membuat keputusan samada lesen dibatalkan atau tidak dibatalkan.</li> <li>ii) Sebelum keputusan dibuat lesen boleh digantung sementara.</li> </ul>
<b>5 (4)</b>	Kegagalan mematuhi aturan berhubung penyimpanan rekod daftar dan keperluan-keperluan lain yang perlu di patuhi mengikut peraturan ini.	